



Jurnal Afaq Lughawiyah
Universiti Sultan Zainal Abidin
مجلة آفاق لغوية - جامعة السلطان زين العابدين

ANALISIS LINGUISTIK DAN TERJEMAHAN ISTILAH PEPERANGAN DALAM KISAH PERANG MU'TAH: RUJUKAN KITAB *AR-RAḤĪQ AL-MAKHTŪM*

[LINGUISTIC ANALYSIS AND TRANSLATION OF MILITARY TERMINOLOGY IN THE BATTLE OF MU'TAH: A STUDY OF *AR-RAḤĪQ AL-MAKHTŪM*]

'Afeef Syaker Zamri¹, Nurin Jazlina Zamri¹, & Wan Abdul Hayyi Wan Omar^{1*}

¹Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: wahayyi@unisza.edu.my

Received: 8/4/2026

Revised: 17/6/2026

Accepted: 14/7/2026

Published: 31/8/2026

Abstrak

Naratif Perang Mu'tah dalam kitab *ar-Raḥīq al-Makhtūm* memuatkan istilah ketenteraan Arab klasik membawa bebanan semantik, budaya dan sejarah yang bersifat khusus. Namun isunya, apabila naratif ini dipindahkan ke dalam bentuk visual, terjemahan yang di generik ke dalam teks sasaran gagal membezakan fungsi dan rupa fizikal objek serta taktik peperangan yang dimaksudkan dalam teks asal. Oleh yang demikian, kajian ini (i) menganalisis kosa kata ketenteraan Arab klasik dalam naratif Perang Mu'tah, (ii) membangunkan kerangka perundingan makna bagi penterjemahan intersemiotik, dan (iii) merumuskan parameter visual bagi istilah terpilih sebagai input kepada Model Pembangunan Visual Budaya (MPVB-Sirah). Penelitian ini berpaksikan analisis kandungan kualitatif yang membandingkan tiga sumber secara serentak: teks sumber *ar-Raḥīq al-Makhtūm* (al-Mubarakfuri, 2007), teks sasaran *Sirah Nabawiyah* (al-Mubarakfuri, 2016) dan entri kamus *Lisān al-'Arab* (Ibn Manẓūr, 1994). Daripada 104 istilah ketenteraan yang dikenal pasti, empat istilah dipilih secara pensampelan bertujuan, iaitu *الراية*, *مكيدة حربية*, *استخبار* dan *اللواء*. Dapatan menunjukkan setiap istilah membawa ciri fizikal dan kinetik yang tersendiri: *الراية* bersifat terlilit dan statik sebagai lambang mandat kepimpinan, manakala *مكيدة حربية* bersifat dinamik dan dimetaforakan sebagai kepakan sayap helang; *استخبار* menuntut visual ilusi taktikal yang terancang, dan *اللواء* menuntut visual pemerhatian yang aktif serta rahsia. Perbezaan warna kedua-dua panji disandarkan kepada riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Analisis ini dirumuskan menjadi lapan parameter visual dalam tiga kategori (kinetik, estetika dan komposisi) yang dipetakan daripada metafungsi *Systemic Functional Linguistics* dan

tatabahasa reka bentuk visual. Sumbangan utama kajian ialah satu garis panduan terjemahan intersemiotik yang boleh diaudit dan bersandarkan bukti leksikografi, yang berguna kepada penterjemah, pelukis komik dan pembangun animasi sirah.

Kata kunci: penterjemahan intersemiotik, terjemahan Arab–Melayu, istilah budaya khusus, multimodaliti dan tatabahasa visual, teks sirah, visualisasi warisan Islam

Abstract

The narrative of the Battle of Mu'tah in ar-Raḥīq al-Makhtūm carries classical Arabic military terminology laden with specific semantic, cultural and historical weight. The problem arises when this narrative is transposed into visual form: generic renderings in the target text fail to distinguish the function and physical form of objects and combat tactics intended by the source text. This study aims to (i) analyse the classical Arabic military vocabulary in the Mu'tah narrative, (ii) develop a framework of meaning negotiation for intersemiotic translation, and (iii) formulate visual parameters for selected terms as input to the Cultural Visual Development Model (MPVB-Sirah). The design is a qualitative content analysis comparing three sources concurrently: the Arabic source text, its Malay translation, and entries from Lisān al-'Arab. From 104 identified military terms, four were selected through purposive sampling. The findings show that each term carries distinct physical and kinetic properties: the liwā' is furled and static as an emblem of the mandate of command, whereas the rāyah is dynamic and metaphorised as the beating wings of an eagle; makīdah ḥarbiyyah demands a visual of deliberate tactical illusion, and istikhbār a visual of active, covert observation. The colour distinction between the two banners is anchored in the reports of al-Tirmidhī and Ibn Mājah. These findings are formulated into eight visual parameters across three categories (kinetic, aesthetic and compositional) mapped from the metafunctions of Systemic Functional Linguistics and the grammar of visual design. The study's principal contribution is an auditable, lexicographically grounded guideline for intersemiotic translation, of practical benefit to translators, comic artists and sirah animation developers.

Keywords: intersemiotic translation, Arabic–Malay translation, culture-specific items, visual multimodality, visual grammar, sirah, Islamic digital heritage

Cite as: Zamri, A.S., Nurin Jazlina Zamri, N.J., & Wan Omar, W.A.H. (2026). Analisis linguistik dan terjemahan istilah peperangan dalam kisah Perang Mu'tah: Rujukan kitab *al-Raḥīq al-Makhtūm* [Linguistic analysis and translation of military terminology in the Battle of Mu'tah: A study of *al-Raḥīq al-Makhtūm*]. *Afaq Lughawiyyah*, 4(2), 110-127. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i2.213>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Perang Mu'tah adalah satu peristiwa peperangan yang terjadi pada tahun ke-8 Hijrah. Peperangan ini merupakan pertempuran besar pertama dalam Islam yang melibatkan tentera Islam menentang bangsa bukan Arab (kuasa Byzantium), dan peristiwa ini berlaku di sempadan utara Semenanjung Tanah Arab. Menurut al-Mubarakfuri (2007, hlm. 387–393), peristiwa ini melibatkan pertempuran antara 200,000 orang tentera

musuh, iaitu gabungan tentera Rom Byzantium dan kabilah Arab yang bersekutu dengan mereka dengan 3,000 orang tentera Islam.

Angka ini perlu dibaca sebagai angka yang dilaporkan dalam tradisi sirah (sejarah Islam) dan bukan sebagai angka yang telah disahkan secara demografi; sejarawan moden umumnya bersikap berhati-hati terhadap saiz angkatan yang direkodkan dalam sumber-sumber awal (Donner, 2010; Kennedy, 2007). Bagi kajian ini, nilai naratif yang dikemukakan merujuk kepada nisbah kekuatan yang tidak seimbang, disebabkan inilah terhasilnya susunan formasi dan taktik yang kemudiannya dirakamkan melalui istilah-istilah ketenteraan yang unik dan menjadi unit analisis kajian.

Kekuatan teks sejarah Islam *ar-Raḥīq al-Makhtūm* bukan sekadar pada ketepatan kronologinya, tetapi ketegasan pengarangnya dalam mengekalkan istilah-istilah Arab klasik dalam bentuk asal, tanpa menggantikannya dengan padanan istilah moden yang lebih umum dan semasa. Hallaq (2005) mengingatkan bahawa istilah teknikal Arab klasik terikat pada konteks penggunaannya, sehingga penggantian dengan istilah moden berisiko mengubah rujukan asalnya dan pemesongan makna. Justeru itu, penggunaan kata seperti لواء (*liwāʾ*) dan راية (*rāyah*) dalam bab perang Mu'tah bukan sekadar variasi gaya, sebaliknya membawa muatan semantik yang berbeza (Badawi & Abdel Haleem, 2008). Pembaca yang tidak menyedari perbezaan ini akan menerima satu gambaran yang lebih naif daripada apa yang cuba dimaksudkan oleh pengarang.

Cabaran ini menjadi lebih objektif apabila teks sejarah Islam ini dipindahkan ke dalam format visual. Jakobson (1959) menamakan pemindahan tanda linguistik kepada sistem tanda bukan linguistik sebagai penterjemahan intersemiotik atau *transmutasi*. Walaupun proses ini kelihatan seperti sekadar melukis dan melakar apa yang tertulis, Eco (2012) menegaskan bahawa setiap terjemahan sebenarnya melibatkan satu proses perundingan; penterjemah terpaksa memutuskan elemen makna mana yang wajib dikekalkan dan elemen mana yang boleh digugurkan. Dalam konteks teks sirah, keputusan tersebut menyentuh integriti sejarah dan bukan sekadar estetika. Kajian mutakhir dalam terjemahan audiovisual teks Islam turut menunjukkan bahawa pilihan strategi penterjemah secara langsung menentukan sama ada muatan budaya-agama sesuatu istilah kekal atau terhakis apabila dipaparkan kepada khalayak dalam bentuk baharu (Al-Shlool & Alkhomayes, 2025).

Berdasarkan pernyataan ini, kajian ini menjadikan *ar-Raḥīq al-Makhtūm* sebagai landasan untuk meneliti bagaimana istilah ketenteraan Arab klasik boleh dipindahkan kepada bentuk visual tanpa kehilangan muatan budaya dan sejarahnya. Fokus kajian bukan menjurus kepada penilaian mutu terjemahan Melayu sedia ada, tetapi pada pembinaan parameter visual yang boleh disemak semula terhadap sumber leksikografi berautoriti.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan sorotan lepas, terdapat tiga isu utama dikenal pasti boleh menjadi penghalang kepada proses visualisasi naratif Perang Mu'tah.

Hakisan Nuansa Semantik dan Konteks Sejarah

Masalah pertama ialah pengabaian konteks dalam pemaknaan istilah. Kajian Alhamdi et al. (2025) menunjukkan bahawa terdapat perubahan makna istilah Arab selari dengan perubahan zaman, sehingga makna semasa sesuatu kata semasa tidak semestinya makna yang beroperasi dalam teks pada abad ke-7. Dalam teks sirah, dua istilah yang berbeza dalam teks sumber kerap diberikan satu padanan yang sama dalam teks sasaran. Amalan ini bukan sahaja meratakan perbezaan budaya, malah menghapuskan hierarki autoriti yang sengaja dibina oleh pengarang dalam naratif yang diserlahkan (al-Baghdadi, 2025). Kajian terjemahan istilah budaya khusus dalam korpus hadis Melayu turut merekodkan pola yang sama, iaitu istilah yang dipindahkan tanpa keterangan tambahan meninggalkan jurang kefahaman yang nyata dalam kalangan pembaca sasaran (Abd Rahman et al., 2026). Kesannya, visual yang dibina di atas terjemahan sedemikian akan mewarisi kedangkalan makna yang sama.

Risiko Penyimpangan melalui Tafsiran Visual yang Berat Sebelah

Masalah kedua berpunca daripada tanggapan bahawa visualisasi teks sejarah hanyalah satu kerja penghiasan. Hakikatnya, terjemahan intersemiotik ini mampu membentuk satu bentuk tafsiran yang aktif. Brown et al. (2025) menegaskan bahawa tanpa metodologi yang jelas, pemindahan teks kepada visual mudah tersasar daripada maksud asal. Risiko ini berlipat ganda apabila melibatkan teks keagamaan, kerana kefahaman peribadi pelukis atau pembangun visual yang tidak peka boleh mengalih fokus naratif tanpa disedari oleh khalayak pembaca (al-Baghdadi, 2025). Hal demikian kerana imej yang diterima sebagai bukti visual jarang dipersoalkan oleh pembaca berbanding teks, penyimpangan pada peringkat ini lebih sukar dikesan dan lebih lambat untuk ditegur dan dibetulkan.

Ketiadaan Garis Panduan Reka Bentuk yang Peka Budaya

Isu ketiga ialah ketiadaan panduan yang mengikat keputusan reka bentuk kepada bukti linguistik. Batova (2025) memperincikan lima cabaran reka bentuk visual merentas budaya (warna, imej, minimalisme, hierarki visual dan elemen teks), dan perkara ini menunjukkan bahawa andaian reka bentuk sejangat kerap gagal apabila berdepan dengan khalayak penerima yang berbilang latar belakang. Dalam konteks naratif sirah, ketiadaan garis panduan sedemikian membawa makna keputusan tentang warna panji, susunan bingkai dan penonjolan watak diserahkan sepenuhnya kepada budi bicara pereka dan pelukis. Justeru itu, satu model pembangunan visual yang berpaksikan analisis semantik teks perlu digariskan, agar jurang antara teks klasik dan persepsi visual moden dapat dirapatkan secara bersistem.

Bagi tujuan itu, kajian ini memberi fokus kepada; i) menganalisis kosa kata ketenteraan Arab klasik dalam naratif Perang Mu'tah berdasarkan teks sumber dan verifikasi leksikografi, ii) membangunkan kerangka perundingan makna bagi penterjemahan intersemiotik istilah ketenteraan tersebut, dan iii) merumuskan

parameter visual bagi istilah terpilih sebagai input kepada Model Pembangunan Visual Budaya (MPVB-Sirah).

Terminologi Arab Klasik sebagai Pembawa Makna Ketenteraan

Penggunaan istilah Arab klasik dalam teks sejarah Islam bukan sekadar persoalan gaya bahasa semata-mata. Kestabilan bahasa Arab klasik menjadikan fakta kewujudan pengistilahan abad ke-7 Masihi masih boleh diakses oleh pembaca hari ini dengan bantuan yang minimum, satu ciri yang jarang dimiliki bahasa lain dalam durasi masa sepanjang itu (Belinkov et al., 2018; Benkharafa, 2013). Ciri inilah yang menjadikan teks seperti ar-Rahīq al-Makhtūm bernilai sebagai sumber pendokumentasian ilmu (Safari, 2023).

Namun kestabilan bentuk tidak membawa erti kestabilan makna terus diadaptasi. Dewi et al. (2025) menunjukkan bahawa istilah Arab mengalami anjakan semantik mengikut perubahan zaman, dan Hallaq (2005) juga turut memperingatkan bahawa kegagalan menjejaki akar sejarah sesuatu istilah boleh memesongkan fakta daripada maksud asalnya. Badawi dan Abdel Haleem (2008) pula menegaskan bahawa nuansa semantik dalam bahasa Arab bergantung rapat pada konteks penggunaan, bukan hanya bergantung kepada definisi kamus tanpa konteks lafaz. Gabungan dua hakikat ini (bentuk yang stabil tetapi makna yang beranjak) menjelaskan kepada kita mengapa verifikasi leksikografi menjadi langkah yang tidak boleh dilangkau dalam kajian ini.

Terjemahan Intersemiotik dan Tatabahasa Reka Bentuk Visual

Pemindahan strategi Perang Mu'tah daripada teks tulisan kepada visual gambaran dengan naratif tersusun tergolong dalam apa yang dinamakan oleh Jakobson (1959) sebagai intersemiotik atau transmudasi. Kajian kontemporari menunjukkan bahawa proses ini bukan lagi pemindahan kata satu lawan satu, sebaliknya melibatkan pembinaan semula makna dalam sistem tanda yang mempunyai logik dan maknanya yang tersendiri (Ghazvineh, 2024; Holubenko, 2022; Plastina, 2022).

Kerangka *Systemic Functional Linguistics* (SFL) dilihat menyediakan asas untuk menstrukturkan proses-proses tersebut (Halliday & Matthiessen, 2013). Ketiga-tiga metafungsi SFL dioperasi dalam kajian ini sebagai tiga kategori parameter visual: metafungsi ideational mendasari parameter kinetik (apa yang berlaku dan bagaimana objek bergerak dalam naratif); metafungsi interpersonal mendasari parameter estetika (kesan emosi dan maruah yang dibina antara imej dengan penonton); manakala metafungsi tekstual mendasari parameter komposisi (susunan dan hierarki dalam bingkai). Pemetaan ini diperkukuh oleh tatabahasa reka bentuk visual Kress dan van Leeuwen (2021), yang memperincikan bagaimana vektor, kedudukan dalam bingkai, jarak dan sudut pandang menghasilkan makna representasi, interaksi dan komposisi dalam imej. Dengan kata lain, keputusan ini ibarat "di mana panji diletakkan dalam bingkai" dan "dari sudut mana watak lebih terlihat" ialah satu keputusan bermakna, bukan keputusan rasa.

Jurang Kajian dalam Landskap Tempatan

Sorotan terhadap penyelidikan terjemahan Arab–Melayu di Malaysia menunjukkan bahawa istilah ketenteraan dalam genre sirah masih kurang diberi perhatian. Kajian terjemahan teks keagamaan setakat ini lebih tertumpu kepada istilah budaya khusus dalam korpus hadis (Abd Rahman et al., 2026), kecekapan budaya penterjemah secara umum (Radin Salim & Mansor, 2021), unsur budaya dalam cerita rakyat (Amat & Abd Rahman, 2025) serta karya sastra prosa klasik (Tuan Mat et al., 2022). Kajian yang menyentuh media visual pula cenderung memberi tumpuan kepada budaya material Melayu dan strategi penterjemahan dialog animasi (Abdul Raup et al., 2022; Yusuff & Zailani, 2023), bukan kepada pembinaan parameter visual daripada teks sumber Arab. Di peringkat antarabangsa, kajian terjemahan audiovisual teks Islam pula lebih menumpukan aspek terjemahan sari kata, dan bukan reka bentuk imej (Al-Shloul & Alkhomayes, 2025). Jurang inilah yang cuba diisi dengan cara menghubungkan analisis semantik istilah ketenteraan klasik dengan keperluan operasi pembangunan media visual sirah.

Kerangka Kerja: Model Pembangunan Visual Budaya (MPVB-Sirah)

MPVB-Sirah ialah model kerja yang dibangunkan oleh penyelidik bagi memandu transmisi teks sirah kepada produk visual secara bersistem. Model ini menggariskan lima fasa: (i) analisis semantik teks punca terhadap istilah terpilih dengan rujukan kamus berautoriti; (ii) perundingan makna intersemiotik (Eco, 2012; Jakobson, 1959) bagi menentukan elemen makna teras yang wajib dikekalkan; (iii) penetapan parameter visual dalam tiga kategori (kinetik, estetika dan komposisi) yang dipetakan daripada metafungsi SFL (Halliday & Matthiessen, 2013) dan tatabahasa visual (Kress & van Leeuwen, 2021); (iv) pembangunan aset dan komposisi visual oleh pembangun multimedia; dan (v) semakan autoriti oleh pakar bahasa Arab serta pengamal multimedia sebelum penerbitan. Kajian ini menyumbang secara langsung kepada Fasa (i) hingga (iii); Fasa (iv) dan (v) merupakan hala tuju pelaksanaan seterusnya.

METODOLOGI

Reka Bentuk dan Sumber Data

Kajian ini berbentuk analisis kandungan kualitatif deskriptif (Krippendorff, 2019; Schreier, 2012). Pendekatan ini dipilih kerana kaedah berasaskan kekerapan sahaja tidak memadai, persoalan kajian menuntut agar setiap istilah dibaca sebagai entiti budaya dan taktikal, bukan sebagai leksem yang boleh dikira (Finfgeld-Connett, 2014; Mayring, 2014).

Data kajian pula diambil daripada tiga sumber yang dibaca secara bersilang yang melibatkan teks sumber *ar-Raḥīq al-Makhtūm* (al-Mubarakfuri, 2007, edisi Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah), yang membekalkan istilah dalam bentuk asalnya. Teks sasaran iaitu teks terjemahan bahasa Melayu berjudul Sirah

Nabawiyyah (al-Mubarakfuri, 2016), yang mendedahkan jurang semantik dalam padanan Melayu. Verifikasi pula dilakukan terhadap Lisān al-‘Arab (Ibn Manẓūr, 1994, edisi Dār Ṣādir) bagi menjejaki akar kata, sifat fizikal dan fungsi setiap istilah; riwayat al-Tirmidhī (1975) dan Ibn Mājah (2009) dirujuk khusus bagi persoalan warna panji.

Instrumen dan Prosedur

Instrumen kajian ialah protokol berjadual tiga lajur yang dibina oleh pengkaji: (i) lajur teks sumber yang memuatkan ayat penuh berserta halaman; (ii) lajur teks sasaran yang memuatkan padanan Melayu berserta halaman; dan (iii) lajur verifikasi semantik yang memuatkan petikan entri Lisān al-‘Arab berserta jilid dan halaman. Unit analisis ialah istilah ketenteraan pada peringkat kata dan frasa. Hasil pengisian protokol dipersembahkan dalam Jadual 1 hingga Jadual 5.

Analisis kajian berjalan menerusi empat fasa. Bab Perang Mu'tah dibaca secara mendalam sehingga menghasilkan 104 istilah ketenteraan; daripadanya, empat dipilih secara pensampelan bertujuan mengikut tiga kriteria, iaitu bersifat teknikal ketenteraan, berperanan dalam perkembangan naratif bab, dan berpadanan generik atau kabur dalam teks sasaran (Fasa 1). Setiap istilah kemudian dibandingkan dengan teks sasaran dan disemak semula terhadap Lisān al-‘Arab bagi mengesan komponen makna yang tercicir dalam terjemahan (Fasa 2; Badawi & Abdel Haleem, 2008; Hallaq, 2005). Kerangka Jakobson (1959) dan Eco (2012) seterusnya diaplikasikan untuk memisahkan makna teras yang wajib dikekalkan daripada makna yang boleh dilepaskan semasa transmudasi (Fasa 3). Akhirnya, dapatan kedua-dua fasa disatukan menjadi parameter visual yang boleh dioperasi dengan pembangun multimedia, disusun mengikut tiga kategori metafungsi (Fasa 4).

Kesahan dan Kebolehppercayaan

Jejak audit dikekalkan sepenuhnya: setiap petikan direkodkan bersama halaman, jilid dan entri kamusnya, supaya dapatan boleh disemak semula oleh pihak ketiga. Tafsiran setiap istilah pula disemak silang antara pengkaji bagi mengurangkan bias individu. Satu batasan dinyatakan dengan menyatakan parameter yang dirumuskan belum pengesahan formal dilaksanakan oleh panel pakar; semakan autoriti oleh pakar bahasa Arab dan pengamal multimedia dijadualkan sebagai Fasa (v) MPVB-Sirah dalam kajian lanjutan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua kategori analisis, iaitu istilah entiti fizikal dan istilah taktikal, sebelum dirumuskan menjadi garis panduan terjemahan intersemiotik selaras dengan objektif ketiga.

Analisis Istilah Entiti Fizikal

Dalam terjemahan intersemiotik, objek bukan pelengkap latar. Objek membawa fungsi naratif yang khusus, dan kegagalan membezakan dua objek yang berbeza dalam teks sumber akan menghasilkan visual yang tidak setara dengan teks asalnya. Dua istilah dominan dianalisis di bawah ini.

اللواء Istilah

Dalam Jadual 1, teks sasaran memberikan padanan "bendera" bagi اللواء. Padanan ini tidak salah dari segi rujukan objek, tetapi ia meratakan komponen autoriti yang terkandung dalam istilah asal. "Bendera" menghasilkan imej yang pasif, sedangkan dalam naratif Mu'tah objek ini berfungsi sebagai instrumen mandat.

Jadual 1 Analisis Semantik dan Parameter Visual Istilah اللواء

Teks Sumber	Teks Sasaran (Sirah Nabawiyah)	Lisān al-‘Arab (Ibn Manẓūr)
اللواء (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 387)	"Bendera" (al-Mubarakfuri, 2016, hlm. 579)	الرَّايَةُ، وَلَا يُمَسِّكُهَا إِلَّا صَاحِبُ جَيْشِ الْحَرْبِ (Ibn Manẓūr, 1994, entri ل-و-ي, jil. 15, hlm. 266)

Ibn Manẓūr (1994, jil. 15, hlm. 266) menjejaki istilah ini kepada akar ل-و-ي (لوى), yang bermaksud melilit atau memutar. Penggunaannya dalam naratif Mu'tah terakam dalam petikan berikut (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 387):

إِنْ قَتَلَ زَيْدٌ جَعْفَرَ، وَإِنْ قَتَلَ جَعْفَرٌ فَعَبَدَ اللَّهَ بِنِ رَوَاحَةٍ. وَعَقَدَ لَهُمْ لَوَاءً أَبْيَضَ، وَدَفَعَهُ
إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ

Maksudnya: "Jika Zaid terbunuh maka (panglima ialah) Ja'far, dan jika Ja'far terbunuh maka 'Abdullah bin Rawāḥah. Baginda mengikat untuk mereka liwā' berwarna putih, lalu menyerahkannya kepada Zaid bin Hārithah."

Dua perkara penting terhasil daripada entri kamus ini. Pertama, اللواء merujuk sehelai kain yang diikat pada tombak dan bukan dibiarkan berkibar bebas, dan ciri fizikal ini terkandung dalam akar katanya sendiri. Kedua, fungsinya dirakamkan sebagai شَهْرَةٌ مَكَانَ الرَّئِيسِ, iaitu penanda kedudukan panglima. Bagi angkatan dengan anggota seramai 3,000 orang, objek ini berfungsi sebagai titik rujukan tunggal yang memberitahu setiap anggota di mana kepimpinan berada. Kata kerja عَقَدَ (mengikat) dalam petikan di atas turut mengesahkan bahawa penyerahan liwā' ialah tindakan pelantikan rasmi, bukan penyerahan alat semata-mata.

Apabila istilah ini ditransmutasikan kepada bentuk visual, perundingan makna (Eco, 2012) menuntut parameter berikut dipatuhi:

- **Parameter kinetik (kestabilan).** Visual اللواء tidak boleh digambarkan berkibar bebas seperti bendera biasa. Ia mesti kelihatan terlilit atau terikat kemas pada hulu tombak, selari dengan akar لَوَى dan dengan fungsinya sebagai mandat yang tetap.
- **Parameter estetika (maruah).** Sebagai lambang mandat, اللواء (yang berwarna putih dalam konteks Mu'tah) sewajarnya kelihatan bersih dan utuh pada fasa awal pertempuran. Kelusuan pada peringkat ini akan bercanggah dengan status simbolik yang dibawanya.
- **Parameter komposisi (autoriti).** Kedudukannya dalam bingkai perlu dominan dan berfungsi sebagai focal point, selaras dengan prinsip penonjolan (salience) dalam tatabahasa visual (Kress & van Leeuwen, 2021). Sebarang babak kejatuhan objek ini perlu dirakam sebagai impak besar kerana ia melambangkan keruntuhan struktur kepimpinan, bukan sekadar kehilangan sehelai kain.

الراية Istilah

Rajah 2 dalam teks sasaran memberikan padanan yang sama, iaitu "bendera", bagi dua istilah yang berbeza dalam teks sumber. Di sinilah keciciran makna berlaku secara paling nyata: pembaca teks Melayu tidak mempunyai cara untuk membezakan panji yang membawa mandat kekuasaan daripada panji yang bersifat tempur di barisan hadapan. Dalam terjemahan teks bertulis, kekaburan ini mungkin boleh dipulihkan melalui konteks ayat; dalam bentuk visual, ia tidak boleh dipulihkan langsung kerana penonton hanya melihat satu objek.

Jadual 2 Analisis Semantik dan Parameter Visual Istilah الراية

Teks Sumber	Teks Sasaran (Sirah Nabawiyah)	Lisān al- 'Arab (Ibn Manẓūr)
الراية (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 389)	"Bendera" (al-Mubarakfuri, 2016, hlm. 578)	وَتَكُونُ الرَّايَةُ لِأَنَّ الرَّايَةَ يُقَالُ لَهَا عُقَابٌ الْهَيْزَلَةُ؛ قِيلَ: هِيَ الرَّايَةُ لِأَنَّ الرَّيْحَ تَلْعَبُ بِهَا كَأَنَّمَا تَهْزُلُ مَعَهَا فَأَعْطَاهُ الرَّايَةَ، فَخَرَجَ بِهَا يُوجُّ حَتَّى رَكَزَهَا تَحْتَ الْحِصْنِ (Ibn Manẓūr, 1994, entri ج-أ / ج-ز / ر-أ-ي 4, hlm. 232)

Entri *Lisān al-‘Arab* memperincikan sifat dinamik *الرأية* melalui tiga petunjuk yang berbeza. Pertama, istilah ini dikenali juga sebagai *عُقاب* (helang). Ibn Manẓūr memetik rangkap syair berikut:

كَأَنَّ عُقَابًا خُدارِيَّةً ... تُنَشِّرُ فِي الْجَوِّ مِنْهَا جَنَاحًا

Maksudnya: "Seolah-olah seekor helang hitam sedang mengembangkan sayapnya di udara."

Ibn Manẓūr (1994, jil. 4, hlm. 232) menjelaskan bahawa *عُقاب* boleh merujuk burung helang yang terbang dan juga panji itu sendiri. Metafora ini memberi maklumat reka bentuk yang konkrit: saiz panji yang besar dan dibentangkan dengan lebar sehingga mendominasi pemandangan di medan perang. Metafora ini selari pula dengan riwayat bahawa panji Rasulullah SAW dinamakan *al-Uqāb*.

Kedua, *الرأية* dikaitkan dengan *الهَيْزَلَة*, iaitu keadaan bermain-main, kerana angin seolah-olah bermain dengan kainnya. Petunjuk ini memberikan maklumat tentang sifat fizikal kain: ringan, responsif dan tidak kaku. Ketiga, istilah ini direkodkan bersama kata kerja *يُوج* (daripada *الأَج*, berlari pantas) semasa panji dibawa, yang menunjukkan bahawa objek ini bergerak bersama pemegangnya dalam keadaan laju, bukan dipacak secara statik.

Perbezaan warna antara kedua-dua panji disandarkan kepada riwayat Ibn ‘Abbās:

كَأَنَّتُ رَأْيَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَوْدَاءَ، وَلِوَاؤُهُ أَبْيَضَ

Maksudnya: "Rāyah Rasulullah SAW berwarna hitam, dan liwā’ baginda berwarna putih." (al-Tirmidhī, 1975, no. 1681; Ibn Mājah, 2009, no. 2818)

Kedudukan riwayat ini perlu dinyatakan dengan jujur. al-Tirmidhī sendiri menilainya sebagai *gharīb* daripada jalur ini, sementara sebahagian pengkaji hadis kemudian menilainya sebagai *hasan* atas dasar *syawāhid*. Justeru riwayat ini digunakan dalam kajian ini sebagai sandaran yang munasabah bagi cadangan skema warna, dan bukan sebagai hukum reka bentuk yang muktamad. Pembangun multimedia yang memilih skema berbeza masih perlu menyatakan asas pilihannya (inilah yang dimaksudkan dengan parameter yang boleh diaudit). Ketiga-tiga petunjuk leksikografi di atas menghasilkan parameter berikut:

- **Parameter kinetik (metafora kepakian sayap).** Kibaran *الرأية* tidak boleh dianimasikan sebagai gerakan kain yang pasif. Kain yang dibentangkan perlu

luas dan di kibar secara berkuasa seperti sayap helang, selaras dengan metafora عُقاب dalam entri kamus.

- **Parameter estetika (fizik kain).** Berdasarkan konsep الهَيْزَلَة, simulasi kain perlu bersifat fleksibel dan responsif terhadap angin. Dalam produk animasi, inilah pembeza antara panji yang kelihatan seperti papan tanda dan panji yang kelihatan hidup.
- **Parameter komposisi (aksi pantas).** Berasaskan kata kerja يُوج, sudut kamera bagi watak pembawa panji (Zaid, Ja'far dan 'Abdullah bin Rawāḥah) perlu menonjolkan kelajuan. Vektor condong panji semasa dipacu laju berfungsi sebagai vektor naratif yang membawa mata penonton ke arah pergerakan (Kress & van Leeuwen, 2021).

Perbezaan Semantik الراية dan اللواء

Perbandingan kedua-dua istilah menunjukkan bahawa jurang antara keduanya bukan jurang gaya, sebaliknya jurang fungsi. Jadual 3 memisahkan dengan jelas antara apa yang merupakan dapatan analisis teks dan apa yang merupakan cadangan reka bentuk yang diekstrapolasi daripada dapatan tersebut. Pemisahan ini penting supaya pembaca dapat menilai kedua-duanya mengikut piawaian bukti yang berbeza.

Jadual 3 Perbandingan Ciri Fizikal dan Fungsi antara اللواء dan الراية

Dimensi	اللواء	الراية
Warna (dapatan)	Putih; berdasarkan lafaz لواء أبيض dalam teks sumber dan riwayat Ibn 'Abbās	Hitam; berdasarkan riwayat Ibn 'Abbās (al-Tirmidhī; Ibn Mājah)
Status kain (dapatan)	Terlilit kemas pada tombak; akar لوى Bersih, utuh, dan berwibawa	Berkibar bebas dan luas; الهَيْزَلَة dan metafora عُقاب Lusuh, koyak, dan dinamik (battle-worn)
Fungsi naratif (dapatan)	Penanda kedudukan panglima; شُهُرَةٌ مَكَانَ الرَّئِيسِ	Panji tempur yang dibawa bergerak; يُوج
Kesan visual (cadangan reka bentuk)	Bersih dan utuh; keutuhannya mewakili keutuhan mandat	Dinamik dan menunjukkan kesan pertempuran (battle-worn) mengikut perkembangan babak

Kedudukan kamera (cadangan reka bentuk)	Statik dan dominan; pusat rujukan pasukan	Bergerak pantas mengikut aksi watak
--	--	--

Dalam naratif Perang Mu'tah, kedua-dua objek ini berdiri sendiri dan membawa beban naratif yang berlainan. اللواء memikul beban psikologi kepimpinan bagi keseluruhan angkatan, manakala الراية memikul semangat juang di barisan hadapan. Perundingan makna inilah yang menjadi asas kepada MPVB, kerana ia menentukan bahawa kejatuhan liwā' dan kejatuhan rāyah bukan peristiwa visual yang setara.

Analisis Istilah Taktikal dan Pergerakan

Istilah taktikal mengemukakan cabaran yang berbeza daripada istilah objek. Objek boleh dilukis; taktik perlu dilakukan merentas beberapa bingkai. Justeru analisis di bawah ini menumpukan bukan sahaja kepada makna leksikal istilah, tetapi kepada logik pergerakan yang tersirat dalam akar katanya.

Jadual 4 *Analisis Taktikal dan Visualisasi Istilah* مَكِيدَة حَرْبِيَّة

Teks Sumber	Teks Sasaran (Sirah Nabawiyyah)	Lisān al- 'Arab (Ibn Manẓūr)
مَكِيدَة حَرْبِيَّة (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 391)	"Helah perang" (al-Mubarakfuri, 2016, hlm. 580)	الْكَيْدُ مِنَ الْمَكِيدَةِ، وَقَدْ كَادَهُ مَكِيدَةٌ وَالْكَيْدُ: الْاِحْتِيَالُ وَالْاِجْتِهَادُ، وَبِهِ سُمِّيَتْ الْحَرْبُ كَيْدًا (Ibn Manẓūr, 1994, entri ك-ي-د, jil. 3, hlm. 838)

Padanan "helah perang" menepati maksud umum istilah ini. Masalahnya bersifat operasi: bagi seorang pelukis atau pengarah animasi, "helah" tidak memberitahu apa-apa tentang bentuk pergerakan yang perlu dipaparkan. Entri *Lisān al- 'Arab* menyediakan maklumat yang lebih berguna. Akar ك-ي-د dihuraikan sebagai الْاِحْتِيَالُ وَالْاِجْتِهَادُ, iaitu gabungan antara tipu daya dan usaha yang bersungguh-sungguh. Komponen kedua inilah yang sering terlepas: كَيْدٌ bukan helah spontan, sebaliknya helah yang dirancang dan dilaksanakan dengan susah payah. Malah peperangan itu sendiri dinamakan كَيْدًا kerana ciri ini.

Dalam naratif Mu'tah, konsep ini direalisasikan oleh Khālīd al-Walīd melalui pertukaran kedudukan pasukan secara menyeluruh, yang menimbulkan tanggapan pada pihak Byzantium bahawa bantuan baharu telah tiba. Yang perlu ditangkap oleh visual bukan sekadar "tentera Islam menipu musuh", tetapi bahawa penipuan itu terhasil daripada gerakan yang tersusun rapi. Parameter berikut dicadangkan:

- **Parameter kinetik (pergerakan bersilang).** Visual perlu memaparkan pergerakan unit yang bersilang secara sistematik (sayap kanan bertukar ke kiri, barisan belakang bergerak ke hadapan) bagi menterjemahkan komponen الاجتهاد sebagai tindakan terancang, bukan pergerakan kelam-kabut.
- **Parameter estetika (ilusi debu).** Kesan debu yang padat dan berterusan diperlukan untuk memaparkan ilusi ketibaan bala bantuan, selaras dengan komponen الاحتياي sebagai pengurusan persepsi musuh.
- **Parameter komposisi (dua sudut pandang).** Babak wajar berselang antara sudut pandang tentera Byzantium yang melihat "bala bantuan" dan sudut pandang sebenar dari belakang barisan Islam. Tanpa selang-seli ini, penonton menerima ilusi tersebut sebagai fakta dan bukan sebagai taktik (satu kesilapan naratif yang membalikkan maksud teks asal).

Istilah استخبار

Padanan "laporan perisikan" memindahkan maksud umum istilah dengan baik, tetapi memperkenalkan satu bias visual yang halus. Perkataan "laporan" mengarahkan imaginasi kepada dokumen dan kepada babak statik di dalam khemah panglima. Yang hilang ialah proses perolehan maklumat itu sendiri.

Jadual 5 Analisis Prosedural dan Visualisasi Istilah استخبار

Teks Sumber	Teks Sasaran	Lisān al-‘Arab (Ibn Manẓūr)
استخبارات (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 388)	"Laporan perisikan" (al-Mubarakfuri, 2016, hlm. 577)	السؤال عن الخبر (Ibn Manẓūr, 1994, entri خ-ب-ر, jil. 4, hlm. 227)

Dari sudut morfologi, استخبار ialah masdar bagi wazan اسْتَفْعَلَ. Imbuhan است pada akar خ-ب-ر membawa makna الطَّلَب (menuntut), iaitu menuntut khabar secara aktif dan bersungguh-sungguh, bukan menerimanya secara pasif. Ini bersesuaian dengan huraian Ibn Manẓūr, السؤال عن الخبر, yang meletakkan tindakan bertanya sebagai inti maknanya. Dalam naratif Mu'tah, teks sumber merekodkan bahawa maklumat mengenai Heraclius yang telah turun berkhemah bersama angkatanannya sampai kepada tentera Islam (al-Mubarakfuri, 2007, hlm. 388). Berdasarkan makna aktif wazan ini, boleh diinferens bahawa maklumat tersebut diperoleh menerusi peninjauan yang terancang, dan bukan khabar yang tiba secara kebetulan. Inferens ini dinyatakan sebagai inferens, bukan sebagai rakaman langsung teks. Implikasinya terhadap visualisasi elemen perisikan adalah seperti berikut:

- **Parameter kinetik (pergerakan peninjau).** Visual tidak seharusnya terhad kepada laporan lisan di dalam khemah. Paparan unit peninjau (scout) yang bergerak pantas dan berselindung di kawasan berbukit merupakan terjemahan fizikal kepada usaha استخبار yang aktif.

- **Parameter komposisi (fokus pengamatan).** Sudut kamera yang menunjukkan perisik memerhati dari jarak jauh, atau penggunaan teknik point of view, memindahkan komponen السؤال عن الخبر kepada bahasa visual: maklumat diperoleh melalui pemerhatian yang teliti, bukan melalui khabar angin.
- **Parameter naratif (logik strategi).** Babak perisikan berfungsi sebagai pencetus kepada tindakan seterusnya. Dalam kes kabilah Qudā‘ah, ketepatan maklumat inilah yang menjustifikasikan tindakan pantas tentera Islam, sekali gus memaparkan bahawa keputusan taktikal kepimpinan Islam bersandarkan maklumat yang disahkan.

Rumusan Garis Panduan Terjemahan Intersemiotik

Berdasarkan analisis di atas, kajian ini merumuskan garis panduan transmudasi dalam dua kategori: entiti fizikal dan dinamika pergerakan. Setiap parameter dipasangkan dengan justifikasi leksikografinya supaya keputusan reka bentuk boleh disemak semula terhadap sumber, bukan diterima atas dasar autoriti pereka.

Jadual 6 *Rumusan Parameter Visual bagi Entiti Fizikal*

Istilah	Parameter Visual Utama	Justifikasi
اللواء	Putih, statik, terlilit kemas pada hulu tombak; tidak berkibar bebas	Akar لوى (melilit) dan fungsi شُهْرَةٌ مكان الرئيس; warna putih daripada lafaz لواء أبيض dalam teks sumber, disokong riwayat Ibn ‘Abbās
الراية	Hitam, dinamik, berkibar luas menyerupai kepakan sayap helang	Metafora العقاب (helang) dan sifat الهَيَزَلَة; warna hitam berdasarkan riwayat Ibn ‘Abbās (al-Tirmidhī, no. 1681; Ibn Mājah, no. 2818)

Jadual 7 *Rumusan Parameter Visual bagi Dinamika Pergerakan Taktikal*

Istilah	Parameter Visual Utama	Justifikasi
مكيدة حربية	Ilusi taktikal melalui pertukaran posisi; debu padat dan pergerakan unit yang bersilang secara tersusun	الكَيْد: الاحتيال والْإِجْتِهَاد – gabungan helah dan usaha terancang, iaitu pengurusan persepsi musuh

استخبار

Peninjau aktif yang
mengumpul dan
mengesahkan maklumat
dari jarak jauh; penekanan
pada ketajaman pemerhatian

Wazan اسْتَفْعَلَ yang membawa
makna الطَّلَب (menuntut khabar
secara aktif), selaras dengan
huraian السؤال عن الخبر

IMPLIKASI TERHADAP MPVB-SIRAH

Dapatan kajian ini menerbitkan tiga implikasi kepada struktur dan pengoperasian MPVB-Sirah.

Pertama, pengukuhan status Fasa (i). Kajian ini menunjukkan bahawa fasa pertama model bukan fasa lakaran, sebaliknya fasa analisis semantik. Implikasinya, model tersebut mewajibkan rujukan kepada sumber leksikografi berautoriti seperti *Lisān al-‘Arab* sebelum sebarang aset visual dibangunkan. Tanpa syarat ini, keputusan reka bentuk tidak mempunyai asas yang boleh dipertahankan apabila dipersoalkan.

Kedua, peralihan aset daripada statik kepada dinamik. Penemuan berkaitan الهَيْزَلَة dan العقاب mengubah cara الرؤية perlu dibangunkan. Panji tidak lagi boleh dianggap sebagai objek latar. Ia memerlukan simulasi fizik kain yang mencerminkan sifat responsif terhadap angin dan bentangan sayap yang terkandung dalam entri kamus. Ini merupakan keperluan teknikal yang bersumberkan bukti linguistik, bukan pilihan estetika.

Ketiga, penetapan hierarki visual dalam komposisi. Perbezaan antara اللواء (mandat, pusat) dan الرؤية (taktikal, hadapan) menetapkan satu peraturan komposisi yang tetap dalam MPVB: *liwā’* diletakkan sebagai titik fokus yang stabil, manakala *rāyah* dipaparkan sebagai elemen agresif yang berpindah tangan di barisan hadapan. Peraturan ini boleh diuji dan boleh di bantah dengan bukti, dan itulah kelebihanannya berbanding budi bicara individu.

BATASAN KAJIAN

Tiga batasan perlu dinyatakan. Pertama, kajian ini menganalisis empat istilah sahaja daripada 104 istilah yang dikenal pasti; dapatan yang dilaporkan tidak boleh diertikan sebagai gambaran menyeluruh terhadap perbendaharaan ketenteraan dalam bab tersebut. Kedua, verifikasi semantik bersandarkan satu kamus utama, iaitu *Lisān al-‘Arab*; perbandingan dengan kamus klasik lain seperti *Tāj al-‘Arūs* atau *Asās al-Balāghah* berkemungkinan memperkaya atau menyanggah sebahagian dapatan. Ketiga, parameter visual yang dirumuskan belum diuji secara empirikal terhadap khalayak sasaran mahupun disahkan oleh panel pakar. Kajian lanjutan yang menguji kefahaman penonton terhadap aset visual yang dibangunkan mengikut parameter ini akan menjadi ujian sebenar bagi kebolegunaan model.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan intersemiotik daripada teks sirah kepada format visual menuntut asas linguistik yang kukuh bagi mengelakkan penyimpangan fakta sejarah. Bagi objektif pertama, analisis terhadap *ar-Raḥīq al-Makhtūm* dengan verifikasi *Lisān al-‘Arab* mendapati bahawa istilah ketenteraan Arab klasik membawa nuansa semantik yang tidak dapat ditampung oleh padanan generik. Bagi objektif kedua, kerangka perundingan makna (Eco, 2012; Jakobson, 1959) terbukti boleh dilaksanakan untuk menentukan elemen makna teras yang wajib dikekalkan semasa transmudasi. Bagi objektif ketiga, lapan parameter visual dalam tiga kategori telah dirumuskan sebagai input kepada MPVB-Sirah.

Implikasi terpenting ialah peralihan status MPVB daripada alat ilustrasi kepada garis panduan penterjemahan visual yang boleh diaudit. Apabila perbezaan antara اللواء dan الراية, serta dinamik مكيدة حربية dan استخبار, dinyatakan sebagai parameter yang bersandarkan sumber, pembangun multimedia mempunyai asas untuk mempertahankan pilihan mereka, dan pengkritik juga mempunyai asas untuk membuat bantahan. Dua-dua keadaan ini lebih baik daripada keadaan sekarang, iaitu keputusan reka bentuk yang tidak boleh disemak.

Secara keseluruhannya, integrasi antara ilmu linguistik dan teknologi multimedia berperanan penting dalam memastikan naratif sirah dapat disampaikan kepada generasi digital tanpa mengorbankan integriti sejarah Islam. Diharapkan MPVB-Sirah dapat menjadi titik permulaan kepada pembangunan kandungan digital sejarah Islam yang lebih berautoriti.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: Ethical approval was not required for this study.

REFERENCES

- Abd Rahman, L., A. Bakar, A., Ramli, S., Doll Kawaaid, A. I. S., Abu Bakar, A. I., & Mat Zaki, M. A. A. (2026). Terjemahan istilah budaya khusus melalui prosedur pemindahan dalam kitab *Terjemahan Sahih al-Bukhari*. *Jurnal Pengajian Islam*, 19(1), 72–88. <https://doi.org/10.53840/jx88m683>
- Abdul Raup, F. S., Ismail, N., & Shafri, M. H. (2022). Strategi penterjemahan pantun Melayu–Arab dalam siri animasi *Upin & Ipin*. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 851–864. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.291>
- Alhamdi, F., Hadi, S., & Firdaus, S. (2025). Menelaah problematika kajian semantik historis bahasa Arab di era modern. *BAHTERA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 25(2), 161–169.
- Amat, M. F., & Abd Rahman, R. (2025). Analisis prosedur penterjemahan unsur budaya dalam kisah rakyat Melayu berbahasa Arab. *al-Qimah al-Mudhafah: The Journal of Management and Science*, 9(2), 72–83.

- Badawi, E.-S. M., & Abdel Haleem, M. (2008). *Arabic-English dictionary of Qur'anic usage*. Brill.
- al-Baghdadi, A. N. (2025). Re/framing some selected verses of the Holy Quran into English in the light of narrative theory. *Majallat al-Dirāsāt al-Insāniyyah wa al-Adabiyyah*, 32(1), 1271–1322. <https://doi.org/10.21608/shak.2025.352089.1740>
- Batova, T. (2025). Commentary on the visual design challenges for cross-cultural users of business data visualizations. *International Journal of Business Communication*, 63(3), 1248–1273. <https://doi.org/10.1177/23294884251323872>
- Belinkov, Y., Magidow, A., Barrón-Cedeño, A., Shmidman, A., & Romanov, M. (2018). Studying the history of the Arabic language: Language technology and a large-scale historical corpus (arXiv:1809.03891). *arXiv*. <https://doi.org/10.48550/arXiv.1809.03891>
- Benkharafa, M. (2013). The present situation of the Arabic language and the Arab world commitment to Arabization. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(2), 201–208. <https://doi.org/10.4304/tpls.3.2.201-208>
- Brown, H., Toepfer, R., & Wesche, J. (Eds.). (2025). *Early modern translation and the digital humanities* (Vol. 8). Springer. <https://doi.org/10.1007/978-3-662-70483-7>
- Dewi, M. K., Anshori, M., & Ihsan, W. (2025). Historical linguistics: Diachronic evolution of the Arabic language. *Journal of Arabic Education & Arabic Studies*, 4(2), 325–341. <https://doi.org/10.53038/tlmi.v4i2.316>
- Donner, F. M. (2010). *Muhammad and the believers: At the origins of Islam*. The Belknap Press of Harvard University Press.
- Eco, U. (2012). *Experiences in translation* (A. McEwen, Trans.). University of Toronto Press.
- Finfeld-Connett, D. (2014). Use of content analysis to conduct knowledge-building and theory-generating qualitative systematic reviews. *Qualitative Research*, 14(3), 341–352. <https://doi.org/10.1177/1468794113481790>
- Ghazvineh, A. (2024). An inter-semiotic analysis of ideational meaning in text-prompted AI-generated images. *Language and Semiotic Studies*, 10(1), 17–42. <https://doi.org/10.1515/lass-2023-0030>
- Hallaq, W. B. (2005). *The origins and evolution of Islamic law*. Cambridge University Press.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2013). *Halliday's introduction to functional grammar* (4th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203431269>
- Holubenko, N. (2022). Cognitive and intersemiotic model of the visual and verbal modes in a screen adaptation to literary texts. *World Journal of English Language*, 12(6), 129. <https://doi.org/10.5430/wjel.v12n6p129>
- Ibn Mājah, M. b. Yazīd. (2009). *Sunan Ibn Mājah* (Shu‘ayb al-Arna‘ūt, ‘Ā. Murshid, M. K. Qarah Balālī, & ‘A. L. Ħirzallāh, Taḥqīq). Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Ibn Manzūr, M. (1994). *Lisān al-‘Arab* (Ed. ke-3, Jil. 1–15). Dār Ṣādir.

- Jakobson, R. (1959). On linguistic aspects of translation. Dalam R. A. Brower (Ed.), *On translation* (hlm. 232–239). Harvard University Press. <https://doi.org/10.4159/harvard.9780674731615.c18>
- Kennedy, H. (2007). *The great Arab conquests: How the spread of Islam changed the world we live in*. Da Capo Press.
- Kress, G., & van Leeuwen, T. (2021). *Reading images: The grammar of visual design* (3rd ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003099857>
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781071878781>
- Mayring, P. (2014). *Qualitative content analysis: Theoretical foundation, basic procedures and software solution*. SSOAR. <https://nbn-resolving.org/urn:nbn:de:0168-ssoar-395173>
- al-Mubarakfuri, S. R. (2007). *ar-Raḥīq al-makhtūm: Baḥth fī al-sīrah al-nabawiyyah ‘alā ṣāḥibihā afdal al-ṣalāh wa al-salām*. Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah.
- al-Mubarakfuri, S. R. (2016). *Sirah nabawiyyah (al-Raḥīq al-makhtūm)* (M. R. Omar, Terj.; Cetakan ke-8). Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Plastina, A. F. (2022). Remaking meaning through intersemiotic translation: The case of online medical journals. *The Journal of Specialised Translation*, (38), 32–54. <https://doi.org/10.26034/cm.jostrans.2022.082>
- Radin Salim, N., & Mansor, I. (2021). Penguasaan kecekapan budaya dalam terjemahan Arab–Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 111–134. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-06>
- Safari, S. (2023). Arabic manuscripts in Islamic historiography during the Mamluk dynasty. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 15(2), 326. <https://doi.org/10.24042/albayan.v15i2.19229>
- Schreier, M. (2012). *Qualitative content analysis in practice*. SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781529682571>
- al-Shlool, S., & Alkhomayes, M. (2025). Subtitling Islamic cultural items: A cross-genre analysis of Arabic films subtitled into English. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 8(3), 61–76. <https://doi.org/10.32996/ijllt.2025.6.4.10>
- al-Tirmidhī, M. b. ‘Īsā. (1975). *Sunan al-Tirmidhī* (A. M. Shākir, M. F. ‘Abd al-Bāqī, & I. ‘A. ‘Iwaḍ, Taḥqīq; Cetakan ke-2). Sharikat Maktabah wa Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Tuan Mat, N. N., Abd Rahman, N. E., & Che Mat, A. (2022). Perspektif penterjemahan karya sastra prosa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 924–936. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.326>
- Yusuff, N. A. M., & Zailani, S. (2023). Penterjemahan identiti budaya material masyarakat Melayu dalam komik *Budak Kampung* ke bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 84–98.